

**NO. SOALAN : 32**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB. DATO' KAMARUDIN BIN JAFFAR  
[ TUMPAT ]**

**TARIKH : 23 NOVEMBER 2016**

**SOALAN :**

**YB. Dato' Kamarudin bin Jaffar [ Tumpat ] minta MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN menyatakan apakah perkembangan terkini cadangan Kerajaan Pusat memindah balik Masjid Kampung Laut dan membangun industri pelancongan di situ.**

**JAWAPAN : DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ**  
**MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Pihak Kementerian menyokong Kerajaan Negeri Kelantan untuk membangunkan kawasan Kampung Laut. Walau bagaimanapun, cadangan perpindahan Masjid Kampung Laut ke tapak asal perlu diperhalusi termasuk pandangan dan penerimaan masyarakat kampung. Pihak Kementerian melalui Jabatan Warisan Negara dalam proses untuk mewartakan Masjid Kampung Laut sebagai warisan mengikut Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645) untuk tujuan pemuliharaan dan perlindungan.

Sekian, terima kasih.